



9 Mei 2011
9 May 2011
P.U. (A) 158

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN
BAGI SUMBANGAN KEPADA KUMPULAN WANG
PEMBERIAN PERKHIDMATAN SEJAGAT) 2011

*INCOME TAX (DEDUCTION FOR CONTRIBUTION TO
UNIVERSAL SERVICE PROVISION FUND) RULES 2011*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI SUMBANGAN KEPADA KUMPULAN WANG PEMBERIAN PERKHIDMATAN SEJAGAT) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dibaca bersama perenggan 33(1)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Sumbangan Kepada Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejagat) 2011**.

(2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2002.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“Suruhanjaya” ertinya Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 4 Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 [*Akta 589*];

“Kumpulan Wang PPS” ertinya Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejagat yang ditubuhkan di bawah seksyen 204 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*];

“perkhidmatan dinamakan” ertinya perkhidmatan dinamakan sebagaimana yang ditakrifkan dalam peraturan 2 Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejagat) 2002 [*P.U. (A) 419/2002*];

“pemegang lesen” ertinya pemegang lesen sebagaimana yang ditakrifkan dalam peraturan 2 Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejagat) 2002.

Potongan

3. (1) Tertakluk kepada subkaedah (2) dan (3), bagi maksud menentukan pendapatan larsan seseorang pemegang lesen yang bermastautin di Malaysia daripada perniagaannya menyediakan perkhidmatan dinamakan bagi suatu tempoh asas suatu tahun taksiran, maka hendaklah dibenarkan suatu potongan suatu amaun yang bersamaan dengan amaun sumbangan yang dibuat oleh pemegang lesen kepada Kumpulan Wang PPS, dalam tempoh asas bagi tahun taksiran tersebut.

(2) Bagi potongan di bawah subkaedah (1), pemegang lesen hendaklah mendapatkan penentusahan daripada Suruhanjaya menetapkan—

(a) amaun sumbangan yang dikehendaki dibayar; dan

(b) tarikh sumbangan itu kena dibayar.

(3) Jika seseorang pemegang lesen membuat sumbangan yang dikehendaki kepada Kumpulan Wang PPS dalam dua jumlah ansuran yang sama banyak dan ansuran kedua jatuh dalam tempoh asas bagi tahun taksiran berikutnya tahun taksiran yang pemegang lesen itu membuat ansuran pertama, ansuran kedua itu hendaklah dibenarkan sebagai potongan dalam tahun taksiran yang berikutnya itu.

Dibuat 15 April 2011

[Perb. (8.09)248/40/7-1665(SK. 2); LHDN 01/35/(S)/42/51/286; PN(PU2)80/LXI]

DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (DEDUCTION FOR CONTRIBUTION TO UNIVERSAL SERVICE PROVISION
FUND) RULES 2011

IN exercise of the powers conferred by paragraph 154(1)(b) read together with paragraph 33(1)(d) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (Deduction For Contribution To Universal Service Provision Fund) Rules 2011**.

(2) These Rules shall be deemed to have effect from the year of assessment 2002.

Interpretation

2. In these Rules—

“Commission” means the Malaysian Communications and Multimedia Commission established under section 4 of the Malaysian Communications and Multimedia Commission Act 1998 [Act 589];

“USP Fund” means Universal Service Provision Fund established under section 204 of the Communications and Multimedia Act 1998 [Act 588];

“designated service” means designated service as defined in regulation 2 of the Communications and Multimedia (Universal Service Provision) Regulations 2002 [P.U. (A) 419/2002];

“licensee” means licensee as defined in regulation 2 of the Communications and Multimedia (Universal Service Provision) Regulations 2002.

Deduction

3. (1) Subject to subrules (2) and (3), for the purposes of ascertaining the adjusted income of a licensee resident in Malaysia from its business of providing designated services for the basis period for a year of assessment, there shall be allowed a deduction of an amount equivalent to the amount of contribution made by the licensee to the USP Fund, in the basis period for that year of assessment.

(2) For the deduction under subrule (1), the licensee shall obtain verification from the Commission specifying—

(a) the amount of contribution required to be paid; and

(b) the date the contribution is due.

(3) Where the licensee makes the required contribution to the USP Fund in two equal instalments and the second instalment falls in the basis period of that licensee for the year of assessment following the year of assessment where the first instalment was made, that second instalment shall be allowed as a deduction in that following year of assessment.

Made 15 April 2011

[Perb. (8.09)248/40/7-1665(SK. 2); LHDN 01/35/(S)/42/51/286; PN(PU2)80/LXI]

DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Second Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the Income Tax Act 1967]